

Wakili negeri

MUAR - Sekolah Menengah Kebangsaan (Perempuan) Sultan Abu Bakar terpilih mewakili negeri dalam Pertandingan Toyota Eco Youth (Tey) 2013 bagi peringkat kebangsaan di Hotel Concord, Shah Alam, Selangor, Oktober ini.

Ketua projek, Sunita Abdullah berkata, pelajar yang menyertai pertandingan itu terdiri daripada tingkatan dua dan empat.

Menurutnya, pada pertandingan itu nanti mereka akan mengetengahkan penggunaan sabut kelapa muda yang akan dikitar semula menjadi bahan api bio atau biofuel sebagai sumber tenaga dijana daripada tumbuhan.

"Hasil daripada kejayaan itu diharap akan dapat menjadi pengganti kepada penggunaan bahan api fosil yang mencemarkan alam sekitar dan mengeluarkan gas beracun atau gas rumah hijau.

"Kita akan bekerjasama dengan Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM), Batu Pahat, untuk tujuan kajian dan penghasilan bahan tersebut.

"Pihak UTHM memaklumkan, abu yang terhasil daripada pembakaran itu boleh dijadikan batu bata dengan teknologi terkini. Maka dengan ini akan tercapai objektif untuk mengitar semula sabut sehingga 100 peratus," katanya.

Katanya, pertandingan bertemakan penjagaan alam sekitar anjuran UMW Toyota Motor itu tepat pada masanya kerana mereka dapat menyumbang kepada kaedah mengurangkan dan mengitar sabut kelapa yang dibuang di sekitar Muar.

Sunita berkata, selain mendapat sokongan pelajar dan penduduk setempat baru-baru ini, projek itu turut menerima kerjasama pihak Syarikat Southern Waste Management (SWM) yang menyediakan khidmat pengangkutan.